

KANDUNGAN

Rekod Pentaksiran Murid Perniagaan Tingkatan 4

v – vi

BAB 1 Tujuan Perniagaan dan Pemilikan Perniagaan 1

Nota Pintas 1

PBD Formatif

1.0 Pengenalan 3

1.1 Tujuan Perniagaan 4



Cetus idea

1.2 Bentuk Pemilikan Perniagaan 5



Info Video Nota

1.3 Bentuk-bentuk Perniagaan Lain 8

1.4 Klasifikasi Perniagaan 10

1.5 Skala Perniagaan 12

1.6 Perkaitan antara Penawaran Barang dan
Perkhidmatan, Bentuk Pemilikan,
Klasifikasi dan Skala Perniagaan 13

1.7 Perkembangan Sektor Perniagaan
di Malaysia 14

Praktis SPM 15

Aplikasi KBAT 20

BAB 2 Trend Semasa dalam Perniagaan 21

Nota Pintas 21

PBD Formatif

2.1 Peranan Kerajaan dalam Menangani
Isu-isu Tempatan, Negara dan Serantau 23



Video Nota

2.2 Trend Persekitaran Perniagaan 28

2.3 Analisis Faktor-faktor yang Membawa
Perubahan kepada Persekitaran
Perniagaan 30



Cetus idea Praktis

2.4 Kesan Perubahan Persekitaran terhadap
Organisasi Perniagaan 35

Praktis SPM 36

Aplikasi KBAT 41

BAB 3 Penetapan Visi, Misi dan Objektif Perniagaan 42

Nota Pintas 42

PBD Formatif

3.1 Maksud Visi, Misi dan Objektif Perniagaan 44

3.2 Perbandingan Visi, Misi dan Objektif
Beberapa Perniagaan yang Berbeza 45



Cetus idea

3.3 Ciri-ciri Objektif Sesebuah Perniagaan 47

3.4 Tujuan Penetapan Visi, Misi dan Objektif
Perniagaan sebagai Panduan Perniagaan 51



Info

3.5 Menghasilkan Visi, Misi dan Objektif bagi
Perniagaan Tertentu 52

3.6 Kesan kepada Perniagaan Akibat Kegagalan
Mencapai Matlamat dan Objektif 54

3.7 Faktor yang Mempengaruhi Perubahan
Visi, Misi dan Objektif Perniagaan 55

3.8 Pencapaian Visi, Misi dan Objektif
Perniagaan yang Dipilih 57

Praktis SPM 59

Aplikasi KBAT 65

Bahagian-bahagian Fungsian Utama dalam Organisasi Perniagaan

66

Nota Pintas 66

PBD Formatif

4.1 Bahagian-bahagian Fungsian Utama dalam Organisasi Perniagaan 68

4.2 Tujuan Setiap Bahagian Fungsian 69



4.3 Pembangunan Produk dan Pasaran Baharu 75

4.4 Penggunaan Teknologi Maklumat 76



4.5 Hubungan dan Interaksi antara Bahagian Fungsian Lain 78

4.6 Interaksi dan Perkaitan antara Bahagian Fungsian dalam Dua Perniagaan Berlainan 79

Praktis SPM 80

Aplikasi KBAT  85

Panduan Kertas Kerja Projek 86

Pentaksiran Akhir Tahun 88



Jawapan

<https://qr.pelangibooks.com/?u=KuasaiPBDJwpPNT4>

Rekod Pentaksiran Murid

Perniagaan

Tingkatan 4

Nama: _____

Tingkatan: _____

BAB	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(X) BELUM MENGUASAI
1 TUJUAN PERNIAGAAN DAN PEMILIKAN PERNIAGAAN	TAJUK 1 Tujuan Perniagaan				
	TP1	Menyatakan tujuan perniagaan dan pemilikan perniagaan.	3 – 5, 8		
	TP2	Menerangkan perniagaan dari aspek penawaran barang dan perkhidmatan, pemilikan perniagaan, saiz, skala, dan klasifikasinya.	10 – 11		
	TP3	Membanding dan mengaplikasikan pengetahuan tentang pelbagai bentuk pemilikan perniagaan.	6 – 9		
	TP4	Menjelaskan dengan contoh sesuatu perniagaan mengikut penawaran barang dan perkhidmatannya, pemilikan, saiz, skala, dan klasifikasinya.	11 – 12		
	TP5	Menjelas dan merumuskan perkaitan bentuk pemilikan perniagaan dengan saiz, skala, dan klasifikasinya.	13		
	TP6	Menilai perkembangan sesebuah perniagaan setempat berdasarkan aktiviti, bentuk pemilikan, saiz, skala dan klasifikasinya.	14		
Tahap Penguasaan Bab 1					
TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					
2 TREND SEMASA DALAM PERNIAGAAN	TP1	Menyatakan peranan kerajaan dalam perniagaan untuk menangani isu tempatan, negara dan serantau.	23 – 24		
	TP2	Menerangkan pengaruh persekitaran perniagaan dan kepentingan peranan kerajaan terhadap perniagaan.	25		
	TP3	Menghurai dan mengaplikasikan kesan pengaruh persekitaran perniagaan dan peranan kerajaan terhadap perniagaan.	26, 29		
	TP4	Menganalisis faktor-faktor yang membawa perubahan kepada persekitaran perniagaan.	30 – 31, 34		
	TP5	Menghubungkait persekitaran perniagaan dengan peranan kerajaan untuk menangani isu semasa perniagaan.	27		
	TP6	Menilai tindak balas organisasi perniagaan terhadap perubahan persekitaran.	32 – 33		
Tahap Penguasaan Bab 2					
TP 1 ☐ TP 2 ☐ TP 3 ☐ TP 4 ☐ TP 5 ☐ TP 6 ☐					

BAB	STANDARD PRESTASI		HALAMAN	PENCAPAIAN	
	TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN		(✓) MENGUASAI	(X) BELUM MENGUASAI
3 PENETAPAN VISI, MISI DAN OBJEKTIF PERNIAGAAN	TAJUK 2 Organisasi Perniagaan				
	TP1	Menyatakan maksud visi, misi dan objektif perniagaan.	44		
	TP2	Membandingkan visi, misi dan objektif dua perniagaan yang berbeza.	45 – 47		
	TP3	Menjelaskan ciri-ciri objektif sesuatu perniagaan dan tujuan diwujudkan objektif tersebut.	47 – 50		
	TP4	Menganalisis objektif sesebuah perniagaan sama ada mampu mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.	57 – 58		
	TP5	Menghubungkaitkan faktor yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif sesebuah perniagaan.	52 – 53		
	TP6	Mencipta visi, misi dan objektif sebuah perniagaan.	55 – 56		
Tahap Penguasaan Bab 3 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6					
4 BAHAGIAN-BAHAGIAN FUNGSIAN UTAMA DALAM ORGANISASI PERNIAGAAN	TP1	Menyenaraikan bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.	68		
	TP2	Menerangkan tujuan setiap bahagian fungsian.	69 – 72, 74		
	TP3	Menjelaskan penglibatan bahagian-bahagian fungsian yang bersesuaian dalam pembangunan sesuatu produk dan pasaran baharu.	75		
	TP4	Menghuraikan bahagian-bahagian fungsian dalam sesebuah organisasi perniagaan.	73 – 74		
	TP5	Membincang dan membuat rumusan terhadap penggunaan teknologi maklumat untuk mengintegrasikan bahagian-bahagian fungsian dalam dan luar organisasi.	76 – 77		
	TP6	Menilai interaksi dan perkaitan bahagian-bahagian fungsian dalam dua perniagaan yang berlainan.	79		
Tahap Penguasaan Bab 4 TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6					

Tujuan Perniagaan dan Pemilikan Perniagaan

KUASAI Nota Pintas

»» 1.0 Pengenalan

1. Perniagaan merupakan aktiviti jual beli barang atau perkhidmatan antara penjual dengan pembeli bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna serta bertujuan memaksimumkan keuntungan.
2. Konsep asas perniagaan – Barang dan perkhidmatan, pertukaran nilai, keuntungan perniagaan, memuaskan keperluan dan kehendak pengguna, penjual dan pembeli, serta kontrak perniagaan.
3. Aktiviti perniagaan boleh dibahagi kepada dua jenis, iaitu:
 - (a) **Aktiviti berasaskan barang** seperti aktiviti ekstraktif, pengeluaran barang konsumer, barang industri, pembuatan, dan pemasangan.
 - (b) **Aktiviti berasaskan perkhidmatan** seperti peruncitan, pemborongan, kewangan, profesional, dan perhotelan.

»» 1.1 Tujuan Perniagaan

1. **Organisasi perniagaan bermotifkan untung (OBU)** - Menawarkan barang dan perkhidmatan untuk mendapat keuntungan.
2. **Organisasi perniagaan bukan bermotifkan keuntungan (OBBU)** - Menyediakan barang atau perkhidmatan kepada golongan tertentu, atau bertujuan untuk memenuhi keperluan dan kehendak ahlinya, atau mempromosi tujuan penubuhannya.

»» 1.2 Bentuk Pemilikan Perniagaan

1. Bentuk pemilikan perniagaan terdiri daripada:
 - (a) **Milikan tunggal**
 - Sejenis perniagaan yang dimiliki dan dikawal oleh seorang individu.
 - Bersaiz kecil, mudah ditubuh dan diurus, pemilik bebas mengurus dan membuat keputusan.
 - (b) **Perkongsian**
 - Kerjasama antara dua atau lebih individu bagi menjalankan perniagaan.
 - Jenis-jenis perkongsian ialah perkongsian biasa, perkongsian berhad, dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT).
 - Jenis rakan kongsi ialah rakan kongsi biasa, rakan kongsi aktif, rakan kongsi berhad, rakan kongsi lelap, dan rakan kongsi nominal (namaan).
 - Mudah ditubuhkan, modal dikumpul daripada rakan kongsi, dan berkongsi kepakaran dalam pengurusan perniagaan.
 - (c) **Syarikat berhad**
 - Keanggotaan terdiri daripada ahli lembaga pengarah dan pemegang saham.
 - Syarikat Sendirian Berhad (2 - 50 orang) dan Syarikat Awam Berhad (2 orang – tiada had maksimum).
 - Modal besar, liabiliti terhad, proses penubuhan rumit, dan beban cukai tinggi.
 - (d) **Koperasi**
 - Ditubuhkan oleh sekumpulan individu secara sukarela untuk menjaga kepentingan dan kebajikan bersama.
 - Koperasi dimiliki dan dikawal oleh anggota-anggotanya.
 - Bilangan keanggotaan ialah sekurang-kurang 50 orang.
 - Liabiliti terhad, pertadbiran secara demokrasi, dan tiada beban cukai.

»» 1.3 Bentuk-bentuk Perniagaan Lain

1. Bentuk perniagaan lain terdiri daripada:
 - (a) **Francais**
 - Sebuah syarikat induk (francaisor) memberi hak kepada syarikat lain atau individu (francaisi) untuk memasarkan produk atau perkhidmatan tersebut berlandaskan suatu kaedah tertentu, di lokasi atau kawasan yang ditetapkan dan dalam jangka masa yang ditentukan.
 - Francaisi perlu membayar royalti atau yuran kepada syarikat induk (francaisor).



(b) Usaha sama

- Dua atau lebih syarikat membentuk satu perikatan yang bertujuan untuk bekerjasama mengeluarkan barang atau perkhidmatan dalam tempoh masa tertentu.
- Usaha sama adalah bersifat sementara untuk tujuan menyempurnakan sesuatu kerja.
- Pemilikan usaha sama akan dikongsi bersama kedua-dua pihak berdasarkan pemilikan ekuiti, perkongsian modal, risiko, bahan mentah, pengalaman, aset-aset, hasil, dan perbelanjaan.

»» 1.4 Klasifikasi Perniagaan

1. Perniagaan diklasifikasikan kepada:

(a) Saiz perniagaan

Saiz Klasifikasi	Kecil	Sederhana	Besar
Pengilangan	• Jualan tahunan daripada RM300 000 hingga kurang daripada RM15 juta. • Bilangan pekerja tetap daripada 5 hingga kurang daripada 75 orang.	• Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta. • Bilangan pekerja tetap daripada 75 hingga tidak melebihi 200 orang.	• Jualan tahunan daripada melebihi RM50 juta. • Bilangan pekerja tetap melebihi 200 orang.
Perkhidmatan	• Jualan tahunan daripada RM300 000 hingga kurang daripada RM3 juta. • Bilangan pekerja tetap daripada 5 hingga kurang daripada 30 orang.	• Jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta. • Bilangan pekerja tetap daripada 30 hingga tidak melebihi 75 orang.	• Jualan tahunan melebihi RM20 juta. • Bilangan pekerja tetap melebihi 75 orang.

(b) Sektor perniagaan

- Sektor utama (primer) - Aktiviti mengekstraktif sumber semula jadi.
- Sektor kedua (sekunder) - Memproses bahan mentah menjadi barang siap atau barang separuh siap.
- Sektor ketiga (tertier) - Aktiviti membekalkan perkhidmatan daripada pengeluar terus kepada pengguna.

»» 1.5 Skala Perniagaan

1. Pasaran domestik terdiri daripada skala tempatan (saiz kecil), skala negeri (saiz sederhana), dan skala kebangsaan (saiz besar).
2. Pasaran antarabangsa terdiri daripada skala zon dan skala global.

»» 1.6 Perkaitan antara Penawaran Barang dan Perkhidmatan, Bentuk Pemilikan, Klasifikasi dan Skala Perniagaan

1. Sesebuah perniagaan menjalankan aktiviti perniagaan dengan menawarkan barang atau perkhidmatan.
2. Seseorang pemilik perlu menentukan jenis pemilikan yang ingin dijalankan. Jenis pemilikan perniagaan akan mempengaruhi saiz dan skala perniagaan. Perniagaan boleh dikategorikan mengikut skala domestik dan antarabangsa.
3. Sesebuah perniagaan adalah terlibat dalam sektor perniagaan, iaitu sektor utama, kedua, dan ketiga.
4. Perniagaan boleh memasuki pasaran global dengan bantuan teknologi moden seperti e-dagang.

»» 1.7 Perkembangan Sektor Perniagaan di Malaysia

1. Selepas merdeka, penduduk Malaysia menjalankan aktiviti berasaskan pertanian.
2. Pada era 1990-an, kerajaan Malaysia menggalakkan rakyat menceburi sektor kedua.
3. Menjelang abad ke-21, penekanan yang lebih tinggi kepada sektor perkhidmatan.


SP 1.1.1 Menerangkan tujuan perniagaan

1. Berikan maksud perniagaan dan senaraikan **enam** konsep asas perniagaan. **TP 1**

Perniagaan merupakan aktiviti jual beli barang atau perkhidmatan antara penjual dengan pembeli bagi memenuhi keperluan dan kehendak pengguna serta bertujuan memaksimumkan keuntungan. Konsep asas perniagaan ialah barangan dan perkhidmatan, pertukaran nilai, keuntungan perniagaan, memuaskan keperluan dan kehendak pengguna, penjual dan pembeli, dan kontrak perniagaan.

2. Lengkapkan rajah di bawah.

i-THINK Peta Pokok



SP 1.1.1 Menerangkan tujuan perniagaan

3. Apakah tujuan perniagaan? **TP 1**

Menawarkan barang atau perkhidmatan.

4. Gambar di bawah menunjukkan sebuah organisasi. **TP 1**



(a) Namakan jenis organisasi di atas.

Organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU).

(b) Nyatakan tujuan penubuhan organisasi di atas.

Membantu golongan yang kurang berkemampuan dalam kalangan anak yatim.

(c) Berikan **tiga** kaedah perniagaan bagi organisasi di atas.

(i) Secara percuma.

(ii) Jualan pada harga kos.

(iii) Jualan pada harga di bawah kos.


1.2 Bentuk Pemilikan Perniagaan

Buku Teks ms. 17 – 32

SP 1.1.2 Menjelaskan pelbagai bentuk pemilikan perniagaan

5. Lengkapkan peta buih yang berikut. TP 1

i-THINK Peta Buih



6. Lengkapkan proses pendaftaran penubuhan perniagaan di bawah. TP 1

i-THINK Peta Alir



Cuba jawab Praktis SPM, K2, Bhgn A, S3(b)



7. Maklumat berikut menerangkan sebuah perniagaan. **TP 3**

Aida merupakan pembekal kain di Pantai Remis, Perak. Dia membuka kedai dan menjalankan perniagaannya secara kecil-kecilan dengan dibantu oleh dua orang pekerjanya.

- (a) Nyatakan tujuan perniagaan yang dijalankan oleh Aida.

Menawarkan kain kepada pelanggan dan memaksimumkan keuntungan.

- (b) Apakah bentuk pemilikan perniagaan yang dijalankan oleh Aida?


Milikan tunggal

- (c) Berdasarkan jawapan di 7(b), jelaskan ciri-ciri pemilikan perniagaan tersebut.

Bersaiz kecil, mudah ditubuh dan diurus, liabiliti tidak terhad, beban cukai rendah, pemilik bebas mengurus dan membuat keputusan.

Cuba jawab **Praktis SPM, K2, Bhgn C, S4(a)**

8. Gambar berikut menunjukkan perubahan pemilikan perniagaan. **TP 3**



- (a) Apakah perubahan bentuk pemilikan perniagaan di atas?

Berubah dari milikan tunggal menjadi syarikat sendirian berhad.

(b) Bandingkan dua bentuk pemilikan tersebut dalam aspek bilangan pemilik, modal, dan liabiliti.

Dimensi	Milikan tunggal	Syarikat sendirian berhad
Bilangan pemilik	Seorang	2 – 50 orang
Modal	Kecil	Besar
Liabiliti	Tidak terhad	Terhad

(c) Berikan **tiga** kelebihan dan **tiga** kelemahan jenis pemilikan tersebut.

Kelebihan

- (i) Modal lebih besar kerana modal dapat dikumpulkan melalui terbitan syer.
- (ii) Liabiliti terhad, iaitu menanggung kerugian setakat modal yang dilaburkan sahaja.
- (iii) Hal ehwal syarikat dapat dirahsiakan kerana laporan kewangan tidak perlu diumumkan kepada orang ramai.

Kelemahan

- (i) Beban cukai syarikat yang tinggi berbanding dengan cukai perorangan.
- (ii) Syer tidak boleh dipindah milik secara bebas.
- (iii) Penawaran syer terhad kepada saudara dan rakan (dengan maksimum 50 orang).



Nota
Perbandingan Kelebihan dan Kelemahan
Bentuk Pemilikan Perniagaan



9. Jalankan aktiviti di bawah. **TP 3**

AKTIVITI PAK-21

Team Word-Web

AKTIVITI PAK-21

- Bahagikan kelas kepada empat kumpulan.
- Setiap kumpulan bertanggungjawab menulis penerangan bagi salah satu jenis pemilikan perniagaan.
- Penetapan jenis pemilikan perniagaan dibuat secara undian.
Jenis pemilikan perniagaan yang ditetapkan ialah seperti berikut:
Kumpulan 1: Milikan tunggal Kumpulan 3: Syarikat
Kumpulan 2: Perkongsia Kumpulan 4: Koperasi
- Setiap kumpulan dibekalkan dua kertas mahjung dan tiga pen penanda yang berbeza warna.
- Setiap kumpulan membincangkan topik masing-masing. Kemudian ketua kumpulan menulis jenis pemilikan perniagaan di tengah-tengah kertas mahjung dan memaparkannya.
- Setiap ahli kumpulan menulis idea dalam peta minda mengikut pen penanda yang berbeza warna untuk menunjukkan sumbangan idea mereka.
- Selepas siap, ketua kumpulan menampal hasil tugasan di dinding kelas untuk dinilai oleh kumpulan lain.
- Murid daripada kumpulan lain boleh memberi komen tentang hasil tugasan tersebut dengan menampalkan *sticky notes* pada hasil kerja tersebut.



1.3 Bentuk-bentuk Perniagaan Lain

Buku Teks ms. 33 – 37

SP 1.1.2 Menjelaskan pelbagai bentuk pemilikan perniagaan

10. Lengkapkan rajah di bawah. **TP 1**

i-THINK Peta Pokok

Bentuk-bentuk perniagaan lain

(a) Francais

(b) Usaha sama

11. Lengkapkan rajah di bawah. **TP 1**

Peranan francaisor

- Memberikan hak untuk menggunakan imej, jenama, sistem operasi, dan format perniagaannya kepada francais.
- Menyediakan khidmat-latihan kepada francais.
- Membiayai kos pengiklanan.
- Menyediakan “blueprint” sebagai panduan dan rujukan kepada francais.

Francais

Peranan francais

- Menjalankan perniagaan mengikut peraturan.
- Menyediakan modal, sumber manusia, dan lokasi perniagaan.



12. Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan perniagaan. **TP 3**

Syarikat Desa Maju dan Syarikat Aman Suri telah bersetuju untuk bekerjasama menubuhkan Syarikat Maju Suri dengan pemilikan saham sama rata.

- (a) Namakan bentuk pemilikan perniagaan di atas.

Usaha sama

- (b) Apakah tujuan dua syarikat tersebut menjalankan kerjasama?

(i) Meningkatkan kedudukan syarikat.

(ii) Perkongsian kepakaran.

(iii) Menambahkan keuntungan perniagaan.

- (c) Berikan **tiga** kelebihan dan **dua** kelemahan jenis pemilikan perniagaan di atas.

Kelebihan

(i) Membantu perniagaan untuk memperluaskan perniagaan.

(ii) Meningkatkan dana kewangan dan tenaga kerja untuk menjalankan sesuatu projek.

(iii) Risiko perniagaan dapat dikongsi oleh kedua-dua syarikat.

Kelemahan

(i) Berlaku konflik kerana misi dan visi syarikat yang berbeza.

(ii) Perbezaan budaya dan cara pengurusan yang berbeza dalam menjalankan sesebuah perniagaan boleh membawa masalah kepada pengurusan pada masa hadapan.




1.4 | Klasifikasi Perniagaan

Buku Teks ms. 38 – 48

SP 1.1.3 Mengklasifikasikan perniagaan mengikut saiz kecil, sederhana dan besar

13. Lengkapkan rajah di bawah. **TP 2**

i-THINK Peta Pokok



14. Apakah faktor-faktor penentuan saiz perniagaan? **TP 2**

- (a) Jumlah jualan tahunan
- (b) Bilangan pekerja tetap

15. Jawab soalan berdasarkan perniagaan di bawah. **TP 2**

Pasar Raya Aeon

(a) Apakah kelebihan dan kekurangan saiz perniagaan di atas?

Kelebihan

- (i) Menikmati ekonomi bidangan.
- (ii) Lebih mudah menguasai pasaran sesuatu produk.
- (iii) Wujud pengkhususan.

Kekurangan

- (i) Komunikasi kurang berkesan.
- (ii) Berlaku birokrasi.
- (iii) Risiko kerugian adalah lebih besar.

(b) Nyatakan **dua** cabaran perniagaan di atas.

- (i) Ketidakpastian pasaran
- (ii) Meningkatkan keuntungan tahunan



16. Lengkapkan jadual di bawah. **TP 2**

Sektor	Aktiviti perniagaan
(a) <u>Sektor utama</u>	Perlombongan (b) <u>Pertanian</u> (c) <u>Pembalakan</u> (d) <u>Perikanan</u>
Sektor kedua	(e) <u>Pembuatan dan pengilangan</u> (f) <u>Kejuruteraan</u> (g) <u>Pembekalan tenaga</u> (h) <u>Pembinaan</u>
Sektor ketiga	(i) <u>Perkhidmatan awam</u> (j) <u>Perkhidmatan swasta</u> (k) <u>Perkhidmatan sukarela/ kebajikan</u>

17. Maklumat berikut berkaitan dengan bentuk pemilikan. **TP 4**

Syarikat Logistik HHT Berhad menyediakan perkhidmatan logistik di seluruh Malaysia. Jumlah jualan tahunannya ialah RM25 juta dan bilangan pekerja tetap ialah 120 orang.

(a) Berdasarkan maklumat di atas, jelaskan ciri-ciri bentuk pemilikan perniagaan tersebut.

Syarikat berhad & Ciri-ciri:

(i) Bilangan pemilik perniagaan ialah antara dua orang hingga tiada had maksimum.

(ii) Sahamnya boleh dijual beli di bursa saham.

(iii) Liabiliti terhad. Jika mufliis, pemilik hanya rugi setakat modal yang dilaburkan sahaja.

(b) Apakah jenis aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh Syarikat Logistik HHT Berhad?

(i) Aktiviti menyediakan perkhidmatan logistik untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan.

(ii) Bermotifkan keuntungan.



- (c) Terangkan klasifikasi perniagaan tersebut.

Saiz	Sektor
Besar kerana jumlah jualan tahunannya melebihi RM20 juta dan bilangan pekerja tetap melebihi 75 orang.	Sektor ketiga (tertier), iaitu menyediakan perkhidmatan tertentu daripada pengeluar terus kepada pengguna.

- (d) Kenal pasti skala perniagaan yang ditembusi oleh perniagaan tersebut.

Skala kebangsaan, iaitu memenuhi permintaan pelanggan di seluruh Malaysia.

- (e) Berikan **dua** kelebihan menjalankan bentuk perniagaan tersebut.

(i) Modal lebih besar kerana dapat dikumpul melalui terbitan syer.

(ii) Liabiliti terhadap modal yang dilaburkan sahaja.

18. Pernyataan berikut menerangkan pemilikan perniagaan dari aspek skala perniagaan. Pilih betul atau salah bagi pernyataan yang berikut. **TP 4**

- (a) Pasaran domestik boleh dibahagikan kepada tiga tahap, iaitu tempatan, zon, dan kebangsaan.

Betul	Salah
-------	-------

- (b) Perniagaan yang berskala global, pasaran adalah luas merentasi sempadan.

Betul	Salah
-------	-------



1.6 | Perkaitan antara Penawaran Barang dan Perkhidmatan, Bentuk Pemilikan, Klasifikasi dan Skala Perniagaan

Buku Teks ms. 52 – 53

SP 1.1.5 Menjelas dan menghubungkan sesuatu perniagaan berdasarkan penawaran barang dan perkhidmatan, pemilikan, saiz dan skala, serta klasifikasi perniagaan

19. Dengan berdasarkan contoh Restoran McDonald's, lengkapkan jadual di bawah. **TP 5**

Jenis pemilikan	Francais
Penawaran barang atau perkhidmatan	Barang
Saiz perniagaan	Besar
Skala perniagaan	Kebangsaan
Klasifikasi perniagaan	Sektor ketiga


Praktis Ekstra
 Bab 1

20. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Pau Zamri. **TP 5**

Perniagaan Pau Zamri merupakan sebuah perniagaan yang mengeluarkan dan menjual pelbagai pau di Kampung Tasek, Melaka. Pengusahanya, Encik Zamri dan pekerja-pekerjanya menjalankan proses pengeluaran dengan kaedah tradisional. Produk yang dihasilkan hanya mampu memenuhi keperluan pasaran tempatan sahaja.

Jelaskan pemilikan perniagaan tersebut berdasarkan saiz, skala, dan klasifikasinya.

(a) Penawaran barang dan perkhidmatan

Barang

(b) Bentuk pemilikan

Milikan tunggal

(c) Skala

Kecil

(d) Klasifikasi

Ketiga

21. Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan sebuah perniagaan.

Kedai SHS ditubuhkan pada tahun 2000. Pada permulaan penubuhan, ia hanya merupakan sebuah kedai kecil yang berlokasi di Taman Maju, Melaka. Kedainya menyediakan perkhidmatan pengendalian dan penghantaran bungkusan, dokumen, dan lain-lain dari satu tempat ke tempat yang lain. Nilai jualan tahunan pada ketika itu hanya RM500 000 dan mempunyai tujuh orang pekerja.

Pada tahun 2023, Kedai SHS telah berkembang menjadi sebuah syarikat, iaitu Syarikat SHS Sdn. Bhd.. Syarikat SHS Sdn. Bhd. telah meluaskan perniagaannya dengan membuka cawangan perniagaan di setiap negeri di Malaysia. Selain itu, Syarikat SHS Sdn. Bhd. juga mempelbagaikan aktiviti perniagaannya, iaitu selain menyediakan perkhidmatan pengendalian dan penghantaran bungkusan dan dokumen, ia juga menjadi pusat pungutan bayaran bil telefon, bil air, dan bil elektrik. Kini, Syarikat SHS Sdn. Bhd. telah mempunyai bilangan pekerja seramai 80 orang dan mencapai jumlah jualan tahunan sebanyak RM20 juta setahun.

Berdasarkan maklumat di atas, lengkapkan rajah yang berikut. **TP B KBAT Menganalisis**


Tahun 2000	Dimensi	Tahun 2023
(a) Milikan tunggal	Bentuk pemilikan perniagaan	(b) Syarikat sendirian berhad
(c) Menyediakan perkhidmatan pengendalian dan penghantaran bungkusan, dokumen, dan lain-lain dari satu tempat ke tempat yang lain.	Aktiviti perniagaan	(d) Menyediakan perkhidmatan pengendalian dan penghantaran bungkusan dan dokumen, ia juga menjadi pusat pungutan bayaran bil telefon, bil air, dan bil elektrik.
(e) Saiz kecil	Saiz perniagaan	(f) Saiz besar
(g) Skala tempatan	Skala perniagaan	(h) Skala kebangsaan
(i) Sektor tertier	Klasifikasi perniagaan	(j) Sektor tertier

1.7 Perkembangan Sektor Perniagaan di Malaysia

Buku Teks ms. 54 – 55

SP 1.1.6 Menjelaskan perkembangan perniagaan pada sektor utama, kedua dan ketiga

22. Lengkap rajah di bawah.



SP 1.1.5, SP 1.1.6

Kertas 1

Pilih jawapan yang paling tepat.

1. Maklumat berikut berkaitan dengan konsep asas perniagaan.

Buku
Teks
ms. 5

Aktiviti urus niaga yang melibatkan tindakan pembeli memberikan sesuatu yang bernilai kepada penjual sebagai balasan kepada produk yang diperoleh.

Apakah konsep asas perniagaan tersebut?

- ☒ A Pertukaran nilai
- ☐ B Kontrak perniagaan
- ☐ C Keuntungan perniagaan
- ☐ D Barang dan perkhidmatan

2. Gambar 1 menunjukkan aktiviti perniagaan.

Buku
Teks
ms. 8



Gambar 1

Aktiviti di atas ialah aktiviti perniagaan berasaskan

- ☐ A barang
- ☐ B keperluan
- ☐ C kehendak
- ☒ D perkhidmatan

3. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri sebuah organisasi.

Buku
Teks
ms. 15

- Menawarkan barang dan perkhidmatan secara percuma, pada harga kos atau di bawah harga kos.
- Bertujuan membantu golongan kurang berkemampuan.

Apakah jenis organisasi tersebut?

- ☐ A Organisasi perkongsian
- ☐ B Organisasi milikan tunggal

- ☐ C Organisasi bermotifkan untung
- ☒ D Organisasi bukan bermotifkan untung

4. Gambar 2 menunjukkan sejenis pemilikan perniagaan.

Buku
Teks
ms. 19



Gambar 2

Apakah borang yang perlu dipamerkan di premis perniagaan di atas?

- ☒ A Borang D
- ☐ B Borang A
- ☐ C Borang 9
- ☐ D Borang 13 A

5. Mengapakah perniagaan milikan tunggal merupakan jenis perniagaan yang paling popular di Malaysia?

Buku
Teks
ms. 20

- ☒ A Mudah ditubuhkan
- ☐ B Tiada risiko perniagaan
- ☐ C Mempunyai liabiliti terhad
- ☐ D Mudah memperoleh keuntungan

6. Maklumat berikut berkaitan dengan jenis rakan kongsi dalam perniagaan perkongsian.

Buku
Teks
ms. 21

Nama digunakan sebagai rakan kongsi tanpa mengeluarkan modal dan perlu menanggung liabiliti yang tidak terhad.

Apakah jenis rakan kongsi tersebut?

- ☐ A Rakan kongsi lelap
- ☐ B Rakan kongsi biasa
- ☐ C Rakan kongsi aktif
- ☒ D Rakan kongsi norminal

7. Apakah kelebihan perkongsian berbanding dengan milikan tunggal?

Buku
Teks
ms. 22

- ☐ A Mudah ditubuhkan
- ☐ B Liabiliti tidak terhad
- ☒ C Berkongsi kepakaran
- ☐ D Cukai pendapatan perseorangan



8. Gambar 3 menunjukkan sejenis pemilikan perniagaan.

Buku
Teks
ms. 28



Gambar 3

Antara yang berikut, yang manakah menerangkan ciri-ciri perniagaan tersebut?

- I Modal yang besar
 - II Liabiliti tidak terhad
 - III Tidak bebas pindah milik syer
 - IV Jangka hayat berterusan
- A I dan II
B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

9. Apakah persamaan syarikat awam berhad dengan syarikat sendirian berhad?

Buku
Teks
ms. 27-28

- I Liabiliti tidak terhad
 - II Kewujudan kekal
 - III Menikmati ekonomi bidangan
 - IV Dimiliki oleh orang persendirian
- A I dan II
C II dan III
 B I dan IV
 D III dan IV

10. Apakah tujuan penubuhan koperasi?

Buku
Teks
ms. 29

- A Memaksimumkan keuntungan
- B Menawarkan barang percuma
- C Menjalankan tanggungjawab sosial
- D Menjaga kepentingan dan kebajikan bersama**

11. Antara yang berikut, yang manakah merupakan peranan francaisi kepada francaisor?

Buku
Teks
ms. 33

- A Membayar royalti**
- B Mengawal mutu perkhidmatan
- C Memberi sokongan promosi dan pentadbiran
- D Menjalankan penyelidikan dan pembangunan produk baharu

12. Apakah kekurangan jika dua organisasi perniagaan mengadakan perniagaan usaha sama?

Buku
Teks
ms. 37

- A Bertambah dana
- B Berlakunya konflik**
- C Peningkatan pengeluaran
- D Berkongsi risiko perniagaan

13. Maklumat berikut berkaitan dengan pemilikan perniagaan.

Buku
Teks
ms. 37

Dua atau lebih syarikat yang membentuk satu perikatan yang bertujuan untuk bekerjasama mengeluarkan barang atau perkhidmatan dalam tempoh masa tertentu.

Apakah pemilikan perniagaan tersebut?

- A Francais
- B Usaha sama**
- C Perkongsian
- D Pakatan strategik

14. Maklumat berikut berkaitan dengan saiz perniagaan.

Buku
Teks
ms. 39

Syarikat Hasrol merupakan sebuah syarikat yang menawarkan perkhidmatan pembantu rumah. Jualan tahunan perkhidmatannya ialah RM2 juta. Bilangan pekerja ialah 25 orang.

Berdasarkan maklumat tersebut, Syarikat Hasrol ialah sebuah syarikat yang bersaiz

- A kecil**
- C besar
- B mikro
- D sederhana

15. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kekurangan perniagaan bersaiz kecil?

Buku
Teks
ms. 40

- A Mudah diuruskan
- B Kos upah yang lebih tinggi
- C Kos pengeluaran seunit yang tinggi**
- D Kefleksibelan membuat keputusan

16. Apakah cabaran perniagaan bersaiz besar?

Buku
Teks
ms. 45

- A Ketidakpastian pasaran**
- B Masalah aliran tunai
- C Tiada pengkhususan kerja
- D Pemilik perniagaan menanggung semua beban kerja

17. Gambar 4 berkaitan dengan aktiviti sejenis sektor perniagaan.

Buku
Teks
ms. 46



Gambar 4

Apakah jenis sektor perniagaan tersebut?

- A Sektor produk
- B Sektor primer**
- C Sektor tertier
- D Sektor sekunder

18. Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti di suatu sektor perniagaan.

Buku Teks ms. 48

- Peruncitan
- Pemborongan


Aktiviti di atas dapat memberi sokongan kepada

- I sektor produk
- II sektor tertier
- III sektor primer
- IV sektor sekunder

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV**

19. Rajah 1 menunjukkan skala perniagaan.

Buku Teks ms. 49



Rajah 1

Apakah X?

- A Eksport
- B Domestik
- C Multinasional
- D Antarabangsa**

20. Apakah sektor yang berkembang dengan pesat menjelang abad ke-21?

Buku Teks ms. 55

- A Pertanian
- B Pembuatan
- C Perindustrian
- D Perkhidmatan**

Kertas 2

BAHAGIAN A

Klu Soalan

- 2(b) Jenis rakan kongsi terdiri daripada rakan kongsi berhad, rakan kongsi lelap, rakan kongsi biasa, rakan kongsi aktif, dan rakan kongsi nominal (namaan).
- 2(c) Sektor perniagaan terbahagi kepada sektor utama (primer), sektor kedua, dan sektor ketiga. Sektor utama terdiri daripada aktiviti perlombongan, pertanian, pembalakan, dan perikanan. Sektor kedua terdiri daripada pembuatan dan pengilangan, kejuruteraan, pembinaan, dan pembekalan tenaga. Sektor ketiga pula terdiri daripada perkhidmatan awam, perkhidmatan swasta, dan perkhidmatan sukarela / kebajikan.

1. (a) Terangkan konsep asas perniagaan di bawah:

Buku Teks ms. 5

- (i) Memuaskan keperluan dan kehendak pengguna [2 markah]
- (ii) Kontrak perniagaan [2 markah]

Buku Teks ms. 23

(b) Terangkan **tiga** ciri Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) [6 markah]

2. (a) Nyatakan **tiga** kepentingan keuntungan kepada perniagaan. [3 markah]

Buku Teks ms. 14

Buku Teks ms. 21

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan jenis rakan kongsi.

Seorang artis terkenal merasmikan pembukaan kedai yang menggunakan namanya sebagai nama perniagaan.

Namakan dan terangkan jenis rakan kongsi di atas. [4 markah]



(c) Gambar 1 berkaitan dengan sejenis sektor perniagaan.

Buku
Teks
ms.
46-48



Gambar 1

Nyatakan dan terangkan sektor perniagaan di atas.

[3 markah]

BAHAGIAN B

3. (a) Gambar 2 menunjukkan logo perniagaan.

Buku
Teks
ms.
27-28



Gambar 2

Kenal pasti dan senaraikan **tiga** ciri umum perniagaan tersebut.

[4 markah]

Buku
Teks
ms. 19

(b) Senaraikan **lima** proses pendaftaran penubuhan milikan tunggal.

[5 markah]

Buku
Teks
ms. 28

(c) Gambar 3 menunjukkan sebuah perniagaan.



Gambar 3

Terangkan **tiga** kelebihan perniagaan di atas.

[6 markah]

BAHAGIAN C

4.

Pink House ialah sebuah kedai berlokasi di Ipoh, perak. Pink House menjalankan aktiviti menjual pakaian kanak-kanak. Masa operasi Pink House ialah dari pukul 10 pagi hingga 8 malam setiap hari. Pengusahanya, Lily Tan merupakan seorang usahawan yang telah menceburi bidang pakaian kanak-kanak selama 5 tahun. Kebanyakan pelanggan Pink house terdiri daripada penduduk setempat. Untuk memenuhi cita rasa pelanggan yang pelbagai, Lily Tan berusaha untuk mendapat bekalan baju kanak-kanak dari luar negara seperti Thailand, Vietnam, Indonesia, dan China.

Setelah beroperasi beberapa tahun kemudian, Pink House telah memperoleh keuntungan sebanyak RM20 ribu sebulan. Dengan keuntungan tersebut, Lily Tan telah membesarkan saiz kedai dengan menyewa sebuah kedai lagi yang bersebelahan dengan kedainya. Selain itu, dia juga mengajak seorang rakannya Grace Yeong untuk berkongsi modal perniagaan Pink House. Grace Yeong merupakan seorang pereka pakaian kanak-kanak. Akibatnya, Pink House mulai menerima tempahan baju kanak-kanak.

Setelah perniagaan semakin berkembang, Pink House menambah bilangan pekerja dari 3 orang kepada 10 orang. Pekerja-pekerja tersebut bertugas untuk membantu menjahit baju kanak-kanak. Pada masa yang sama, Lily Tan juga mengembang perniagaan ke seluruh Malaysia dengan membina sebuah laman web Pink House untuk perniagaan dalam talian. Selain itu, dia juga menggunakan media sosial seperti Instagram dan Facebook untuk mempromosikan produknya.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

Buku
Teks
ms.
18-20

(a) Senaraikan **lima** ciri-ciri milikan tunggal.

[5 markah]

Buku
Teks
ms. 22

(b) Terangkan **tiga** kelebihan yang dinikmati oleh Pink House selepas mengubah perniagaannya dari milikan tunggal kepada perkongsian.

[6 markah]

Buku
Teks
ms.
39-41

(c) Kenal pasti saiz perniagaan Pink House dan terangkan **dua** cabaran perniagaan bersaiz tersebut.

[5 markah]

Buku
Teks
ms. 50

(d) Kenal pasti skala perniagaan terkini Pink House dan terangkan.

[4 markah]

APLIKASI **KBAT**



Pemilikan
perniagaan

Aktiviti
perniagaan

Tujuan
perniagaan

Organisasi bermotifkan
untung (OBU)

Organisasi bukan
bermotifkan untung (OBBU)

Skala perniagaan


Maklumat berikut menunjukkan keratan akhbar tentang berita Nestle Malaysia.

- Nestle perluas program kitar semula
- Nestle terajui inisiatif ke arah kelestarian alam sekitar
- Nestle Malaysia beralih sepenuhnya kepada RE
- Nestle buka stesen transit kuarantin COVID-19
- Nestle Malaysia ikrar beri sumbangan RM15 juta bantuan COVID-19

Karim menyatakan bahawa Nestle Malaysia ialah sebuah perniagaan jenis pemilikan perniagaan yang berbentuk syarikat. Skala perniagaannya ialah skala global dan motif perniagaannya ialah memaksimumkan keuntungan. Sani tidak setuju dengan pendapat Karim. Sani berpendapat bahawa Syarikat Nestle Malaysia juga boleh digelar sebagai organisasi bukan bermotifkan untung kerana syarikat tersebut menjalankan banyak aktiviti tanggungjawab sosial.

Adakah pendapat Sani wajar? Berikan alasan anda.





PANDUAN KERTAS KERJA PROJEK

A. Pengenalan

1. Semua calon yang mengambil mata pelajaran Perniagaan dikehendaki melaksanakan tugas projek sebagai satu daripada keperluan persijilan.
2. Murid hendaklah mendapat bimbingan guru mata pelajaran Perniagaan sebelum atau semasa dalam pelaksanaan tugas kertas kerja projek ini.
3. Skor adalah bersandarkan kepada darjah penguasaan elemen dan kriteria pentaksiran yang ditetapkan.
4. Skor tugas projek bagi setiap murid akan dikemukakan oleh guru kepada Lembaga Peperiksaan.

B. Objektif Pentaksiran Perniagaan

Objektif Pentaksiran mata pelajaran Perniagaan dikenal pasti untuk mentaksir penguasaan murid dalam ilmu perniagaan yang mencakupi enam konstruk. Antaranya ialah:

- (a) **Mengingat dan memahami** – Mengukur pengetahuan dan kefahaman tentang fakta, istilah, teori, dan prinsip yang berkaitan dengan persekitaran perniagaan.
- (b) **Kemahiran mengaplikasi** – Mengukur keupayaan menggunakan pengetahuan dan kefahaman tentang fakta, istilah, konsep, teori, dan prinsip yang berkaitan dengan persekitaran perniagaan dalam pelbagai situasi yang lazim dan baharu.
- (c) **Kemahiran menganalisis** – Mengukur keupayaan mencerakinkan data dan maklumat yang berkaitan dengan perniagaan daripada pelbagai sumber dengan terperinci dan menghubungkan data dan maklumat perniagaan secara menyeluruh dengan perkembangan semasa dunia perniagaan.
- (d) **Kemahiran menilai** – Mengukur keupayaan membuat pertimbangan secara rasional, kritis dan kreatif berkaitan dengan pelbagai isu perniagaan yang kompleks dan bukan kompleks serta memilih satu alternatif penyelesaian terbaik bagi sesuatu masalah berdasarkan bukti yang munasabah dalam konteks perniagaan.

PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

[40 markah]

Arahan: Tiap-tiap soalan di bawah ini diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C, dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.

1. Pernyataan berikut berkaitan dengan konsep perniagaan.

Perjanjian yang dimeterai oleh dua atau lebih individu.

Apakah konsep perniagaan tersebut?

- A** Nilai
 - B** Barang
 - C** Keuntungan
 - D** Kontrak perniagaan
2. Apakah tujuan perniagaan?
- A** Menjaga kebajikan ahli
 - B** Memaksimumkan keuntungan
 - C** Menjalankan tanggungjawab sosial
 - D** Menawarkan barang dan perkhidmatan
3. Gambar 1 menunjukkan sejenis pemilikan perniagaan.



Gambar 1

Apakah kelebihan pemilikan perniagaan di atas?

- A** Modal besar
- B** Liabiliti perniagaan terhad
- C** Bebas menguruskan perniagaan
- D** Jika muflis, hanya rugi setakat modal yang dilaburkan sahaja

4. Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri sejenis rakan kongsi.

- Menanggung liabiliti tidak terhad.
- Berhak menguruskan perniagaan.

Apakah jenis rakan kongsi itu?

- A** Rakan kongsi aktif
 - B** Rakan kongsi biasa
 - C** Rakan kongsi berhad
 - D** Rakan kongsi nominal
5. Maklumat berikut berkaitan sejenis pemilikan perniagaan.

- Entiti berasingan
- Liabiliti terhad
- Hayat berterusan

Apakah jenis pemilikan perniagaan itu?

- A** Koperasi
 - B** Syarikat berhad
 - C** Milikan tunggal
 - D** Perkongsian liabiliti terhad
6. Pernyataan berikut berkaitan dengan pemilikan perniagaan.

- Bilangan pemilik ialah 2 – 50 orang
- Pindah milik saham hanya boleh dilakukan dengan kebenaran ahli lembaga pengarah

Pemilikan perniagaan manakah yang memenuhi ciri itu?

- A** Kedai Kasut Ain
- B** Kedai Florist Lynn
- C** Syarikat Maju Berhad
- D** Syarikat Indera Sdn. Bhd.

Kertas 2

Dua jam lima belas minit

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.** Jawab **lima** soalan di **Bahagian A**, **dua** soalan daripada **Bahagian B** dan **satu** soalan wajib dalam **Bahagian C.**

Bahagian A [50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan daripada bahagian ini.

- Gambar 1 menunjukkan sejenis aktiviti perniagaan.



Gambar 1

- Kenal pasti dan terangkan aktiviti perniagaan di atas.

[3 markah]

- Gambar 2 menunjukkan sejenis pemilikan perniagaan.



Gambar 2

Nyatakan **tiga** ciri pemilikan perniagaan di atas.

[3 markah]


- Berikan **dua** perbezaan antara syarikat sendirian berhad dengan syarikat awam berhad.

[4 markah]

Kenal pasti bahagian fungsian di atas dan nyatakan **dua** peranannya. [3 markah]

(b) Senaraikan **empat** peranan bahagian fungsian jualan. [4 markah]

(c) Rajah 1 menunjukkan saluran agihan.



Rajah 1

Kenal pasti saluran agihan di atas dan berikan **dua** contoh barang atau perkhidmatan yang menggunakan saluran agihan tersebut. [3 markah]

6. (a) Terangkan **dua** kelebihan merekrut sumber manusia luaran. [4 markah]

(b) Huraikan **tiga** peranan kerajaan mengatasi deflasi. [6 markah]

Bahagian B

[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

7. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Puan Nurul.

Puan Nurul telah membuka sebuah kedai yang bernama Kedai Pakaian Nurul. Kedai tersebut berlokasi di Taman Megah, Kuantan. Puan Nurul menguruskan kedainya dengan dibantu oleh tiga orang pekerjanya.

(a) Kenal pasti saiz perniagaan dan jelaskan faktor penentuan saiz perniagaan. [5 markah]

(b) Terangkan **tiga** kelemahan perniagaan bersaiz kecil. [6 markah]

(c) Nyatakan **empat** cabaran perniagaan bersaiz kecil. [4 markah]

8. (a) Huraikan **dua** faktor dalaman yang mempengaruhi perubahan visi, misi, dan objektif perniagaan. [4 markah]

(b) Terangkan **tiga** langkah yang pertama dalam proses komunikasi. [6 markah]

(c) Rajah 2 menunjukkan aliran barang dan perkhidmatan.



Rajah 2

Senaraikan **lima** aliran barang dan perkhidmatan yang berikutnya. [5 markah]

9. (a) Terangkan **tiga** peranan pengurusan kewangan. [6 markah]



- (b) Pernyataan berikut berkaitan dengan hubungan dan interaksi organisasi perniagaan dengan organisasi luar.

Sesebuah organisasi perniagaan perlu sentiasa berkomunikasi dengan organisasi luar semasa menjalankan perniagaan.

- (i) Nyatakan **tiga** organisasi luar yang perlu diinteraksi oleh sesebuah perniagaan. [3 markah]
(ii) Huraikan **tiga** kepentingan interaksi dengan organisasi luar. [6 markah]

Bahagian C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

10.

Perniagaan Biskut Hiong menjalankan perniagaan menjual pelbagai jenis biskut di Ipoh. Perniagaan Biskut Hiong diasaskan oleh Encik Wong Xin Lai. Beliau memulakan perniagaan ini dengan modal yang terhad dan saiz perniagaan yang kecil. Wong Xin Lai dan ahli keluarganya menjalankan proses pengeluaran biskut dengan menggunakan kaedah tradisional.

Setelah beroperasi selama 10 tahun, Perniagaan Biskut Hiong telah berkembang dan Encik Wong Xin Lai telah mengubah Perniagaan Biskut Hiong menjadi Biskut Hiong Sdn. Bhd.. Demi memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat, Encik Wong Xin Lai telah merekrut seramai 30 orang pekerja baharu baru-baru ini. Selain itu, beliau juga menambah bilangan peralatan baharu seperti mesin pengadun dan ketuhar untuk meningkatkan produktiviti harian.

Setiap hari, Wong Xin Lai memulakan tugasnya pada pukul 8 pagi. Encik Wong Xin Lai merupakan seorang usahawan yang amat menitik berat tentang kualiti biskut. Beliau akan memastikan input pengeluaran seperti bahan mentah adalah berkualiti. Wong Xin Lai berinteraksi dengan pembekal tepung supaya mereka dapat membekalkan tepung yang berkualiti tinggi. Selain itu, beliau juga akan memastikan setiap mesin dapat beroperasi dengan baik sebelum proses pengeluaran. Encik Wong Xin Lai juga memastikan teknologi baharu dan terkini telah digunakan dalam proses pengeluaran biskut. Beliau juga sentiasa memantau pekerja supaya hanya pekerja yang mahir terlibat dalam proses pengeluaran biskut. Pekerja baharu yang tidak mahir membuat biskut akan dilatih oleh pekerja yang mahir sehingga pekerja tersebut dapat menguasai kemahiran tersebut. Semasa proses pengeluaran, Encik Wong Xin Lai juga melaksanakan kawalan semasa supaya proses transformasi dapat berjalan lancar. Selepas pembuatan biskut siap, Encik Wong Xin Lai dan pekerjanya akan menjalankan pemeriksaan kualiti terakhir bagi memastikan produk yang dihasilkan memenuhi piawai.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Jelaskan **tiga** kelebihan perubahan pemilikan Perniagaan Biskut Hiong. [6 markah]
(b) Jelaskan proses pengeluaran biskut bagi Perniagaan Biskut Hiong. [6 markah]
(c) (i) Kenal pasti bahagian fungsian yang terlibat dalam proses pengeluaran Biskut Hiong. [1 markah]
(ii) Huraikan **tiga** kaedah kawalan yang telah dijalankan oleh bahagian fungsian 10(c)(i) di atas. [7 markah]